

PADANKAN RANGKAP SEKOLA DENGAN MAKSUDNYA

Santap beradat, santap istiadat,
Santap raja di majlis kebesaran,
Santap merai, hormat-menghormat;
Bukan santap hendakkan
kenyang,
Santap santun dengan aturan.

Selepas makan hendaklah
berkumur-kumur. Kemudian,
makanlah sirih agar wajah
kelihatan berseri-seri.

Nasi disuap di tangan kanan,
Lauk dibinjat sopan siuman,
Sampai ke mulut mamah
perlahan,
Tanda tidak gelojoh makan.
Selesai santap nasi —
Diiringkan seteguk minuman,
Isyarat menghormat, mulia-
memuliakan

Berdasarkan adab dan tertib
semasa makan, menyuap nasi
mestilah menggunakan tangan
kanan dan ambillah lauk
dengan sopan. Makanan
hendaklah dikunyah perlahan-
lahan. Selesai makan nasi,
barulah minum air.

Santap nasi suap pertama,
Berturut dengan suap kedua;
Dua suap, ketiga sudah,
Keempatnya basuh tangan;
Kelima halwa juadah,
Keenam mengiring buah-
buahan.

Pengarang menjelaskan
bahawa adab dan tatacara
makan secara beradat dalam
sesuatu majlis telah
diamalkan sejak zaman
dahulu.

Ketujuh berkumur-kumur,
Ke delapan makan sirih;
Kelat jatuh ke rengkungan,
Seri naik ke peroman.

Pengarang memberikan
peringatan agar makan nasi
sekadar tiga suapan sebelum
membasuh tangan. Kemudian,
makanlah kuih-muth dan buah-
buahan

Itulah santap beradat kebesaran
Di dalam riwayat zaman yang
silam.

Santap beradat merupakan
istiadat santap raja dalam
majlis kebesaran. Istiadat ini
bertujuan menghormati dan
meraikan tetamu. Majlis ini
juga mengajar tetamu yang
hadir makan secara beradab
dan bukanlah sekadar untuk
mengenyangkan perut.